

Soalan No:29

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

**TARIKH :** 28.11.2017

**SOALAN :**

**Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peratus siap bagi projek pembinaan bangunan kekal SMK Kanibongan Pitas yang pada pendapat saya peratus kerja-kerja pembinaannya sangat lambat dan ianya telah menjadi isu dan perbualan masyarakat setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi projek telah mencapai 39.94 peratus iaitu lewat dari jadual sebenar yang sepatutnya pada tahap 56.95 peratus. Kelewatan projek ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. Kontraktor telah memohon untuk pembaikan jambatan supaya dapat menampung berat lori yang membawa bahan IBS. Kontraktor juga telah berhubung dengan pihak Jabatan Air Daerah Pitas untuk membolehkan bekalan air dapat diteruskan ke tapak projek pembinaan; dan

- ii. Arahan Perubahan Kerja (APK) No. 3 sedang dalam pertimbangan kelulusan Kementerian Kewangan. Sekiranya lulus, kontraktor akan memohon lanjutan masa kali ketiga (EOT No. 3) kepada perunding, sebelum disyorkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Walau bagaimanapun projek ini dipantau dengan rapi melalui mesyuarat mingguan yang diadakan di Pejabat Bahagian Pembangunan Seksyen Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Mesyuarat pertama dilaksanakan pada 7 Ogos 2017, dan seterusnya dilaksanakan secara mingguan.

RJM86